



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 7/2020**

GARIS PANDUAN MEWUJUDKAN JAWATANKUASA PETUGAS KHAS DI PERINGKAT PENTADBIRAN TANAH DAERAH DAN TINDAKAN-TINDAKAN PENGUATKUASAAN BAGI MENANGANI PERMASALAHAN PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DAN TANAH RIZAB DI NEGERI SEMBILAN SERTA PENGUMPULAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DAN TANAH RIZAB

1. Tujuan

- 1.1. Pekeliling ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai garis panduan mewujudkan Jawatankuasa Petugas Khas di Peringkat Pentadbiran Tanah Daerah dan tindakan-tindakan penguatkuasaan bagi menangani permasalahan pencerobohan tanah kerajaan dan tanah rizab di Negeri Sembilan serta pengumpulan dan pengemaskinian maklumat pencerobohan tanah kerajaan dan tanah rizab.

2. Latar Belakang

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKNS) yang bersidang pada 4 November 2020 telah mengambil keputusan bersetuju dengan cadangan mewujudkan Jawatankuasa Petugas Khas di Peringkat Pentadbiran Tanah Daerah dan tindakan-tindakan penguatkuasaan bagi menangani permasalahan pencerobohan tanah kerajaan dan tanah rizab di Negeri Sembilan serta pengumpulan dan pengemaskinian maklumat pencerobohan tanah kerajaan dan tanah rizab.
- 2.2. Merujuk kepada seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) [Akta 828], **Tanah Kerajaan** ertinya semua tanah di dalam Negeri itu (termasuk sebanyak

mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai serta dasar laut seperti yang adalah dalam lingkungan wilayah Negeri itu atau batas perairan wilayah). Tafsiran tanah kerajaan ini tidak termasuk tanah bermilik, tanah rizab, tanah lombong dan hutan simpan.

- 2.3. Merujuk juga kepada seksyen 5 KTN [Akta 828], **Tanah Rizab** ertinya tanah yang buat masa itu dirizabkan untuk tujuan awam selaras dengan peruntukan-peruntukan seksyen 62 atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu. Antaranya seperti rizab jalan, rizab sungai, rizab kawasan lapang dan rizab pembangunan akan datang.
- 2.4. Berdasarkan seksyen 425(1) KTN [Akta 828], Mana-mana orang yang tanpa kebenaran yang sah –
- (a) menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas, **mana-mana tanah kerajaan atau tanah rizab** atau tanah perlombongan; atau
 - (b) membersihkan, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau bahagian darinya; atau
 - (c) memotong atau memindah apa-apa kayuan atau hasil atas atau dari tanah sedemikian,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi **RM500,000** atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi **lima (5) tahun**.

- 2.5 Merujuk seksyen 426A(1) KTN [Akta 828], Mana-mana pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Inspektor, Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau lain-lain pegawai yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh Pihak Berkuasa Negeri bolehlah tanpa waran –
- (a) menahan mana-mana orang yang dijumpai melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426;
 - (aa) memberhenti dan memeriksa mana-mana kenderaan, traktor atau lain-lain benda apa jua pun yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah digunakan atau masih digunakan dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah seksyen itu;
 - (b) merampas apa-apa kenderaan, traktor, alat pertanian atau apa-apa benda lain sekalipun yang dipercayainya telah digunakan atau

sedang digunakan dalam melaksanakan suatu kesalahan di bawah seksyen itu;

- (c) memusnahkan, membinasa atau memindah mana-mana bangunan atau mengambilmilik atas nama Pihak Berkuasa Negeri apa-apa tanaman, yang dibina atau ditanam di atas mana-mana tanah sebagai pelanggaran terhadapnya.

- 2.6 Seksyen 426A(2) KTN [Akta 828] menyatakan “Apabila Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau pegawai berkuasa menjalankan kuasanya untuk menahan, merampas atau memindah di bawah subseksyen (1), maka dia hendaklah mengumumkan jawatannya atau kuasanya dan hendaklah mengeluarkan untuk pemeriksaan mana-mana orang terhadap siapa dia sedang diambil tindakan, suatu kad kuasa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 2.7 Pada ketika ini, semua Pentadbir Tanah Daerah, Timbalan Pentadbir Tanah Daerah, Penolong Pentadbir Tanah dan Pegawai Petempatan telah diwartakan dari semasa ke semasa mengikut seksyen 12 Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Pewartaan ini membolehkan pegawai-pegawai tersebut untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan kewajipan yang diberi atau dikenakan ke atas mereka di bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Pegawai-pegawai tersebut juga telah dibekalkan kad kuasa mengikut jawatan yang diwartakan bagi membolehkan mereka untuk menunjukkan kad kuasa ketika melaksanakan tindakan penguatkuasaan.
- 2.8 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan mendapati terdapat beberapa keadaan / senario pencerobohan di atas tanah kerajaan atau tanah rizab yang berlaku di Negeri Sembilan iaitu:

- 2.8.1 **Pencerobohan di atas Tanah Kosong Kerajaan atau Tanah Rizab**

Pihak terbabit telah meneroka, mengusahakan atau membina apa-apa jenis bangunan atau tanaman di atas tanah kosong kerajaan atau tanah rizab tanpa memohon kebenaran dan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

- 2.8.2 **Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang pernah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tetapi pemohon tidak mengemukakan permohonan memperbaharui LPS tersebut pada tahun berikutnya**

Individu yang pernah diluluskan LPS oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2019, walau bagaimanapun tidak mengemukakan

permohonan untuk memperbaharui LPS tersebut untuk tahun 2020 sedangkan beliau masih lagi mengusahakan tanah kerajaan atau tanah rizab tersebut.

2.8.3 Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang pernah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tetapi pemohon telah melanggar syarat kelulusan LPS tersebut

Individu yang pernah diluluskan LPS oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2019 untuk tujuan tanaman kontan, walau bagaimanapun hasil siasatan di tapak pemohon telah mengusahakan tanah tersebut dengan tanaman jangka panjang.

2.8.4 Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang telah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tetapi pemohon tidak / gagal membayar LPS pada tahun tersebut

Individu yang telah diluluskan LPS oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2019, walau bagaimanapun beliau tidak mengemukakan sebarang bayaran LPS ke pejabat tanah sedangkan siasatan di tapak menunjukkan beliau telah mula mengusahakan tanah kerajaan atau tanah rizab tersebut.

2.8.5 Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang pernah diluluskan “Lesen” / “Permit” Mengutip Hasil tetapi permohonan untuk memperbaharui “lesen” / “permit” tidak diluluskan pada tahun berikutnya

Individu yang pernah diluluskan untuk Mengutip Hasil oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2019, walau bagaimanapun tidak mengemukakan permohonan untuk Mengutip Hasil tersebut bagi tahun 2020 sedangkan siasatan di tapak menunjukkan beliau masih dan telah mengeluarkan hasil di atas tanah kerajaan atau tanah rizab tersebut.

2.8.6 Tanah Bermilik yang telah tamat tempoh pajakannya

Individu yang pernah mempunyai hakmilik bertempoh atau hakmilik pajakan seperti 21 tahun atau 30 tahun atau 60 tahun atau 99 tahun, tetapi tempoh hakmilik tersebut telah tamat dan tanah tersebut telah menjadi tanah kerajaan. Hasil siasatan di tapak menunjukkan, beliau masih lagi menduduki atau mengusahakan tanah tersebut.

2.8.7 Tanah Bermilik yang telah terlibat dengan pengambilan tanah tetapi pemilik masih menduduki atau mengusahakan tanah tersebut

Tanah milik tersebut telah dibuat pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Walau bagaimanapun, hasil siasatan di tapak mendapati beliau masih lagi menduduki atau mengusahakan tanah tersebut.

- 2.9 Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pejabat-pejabat tanah, ringkasan maklumat pencerobohan yang telah berlaku adalah seperti di **Lampiran A**. Daripada maklumat tersebut, sebanyak 117 kes pencerobohan yang telah dikesan dan daripada jumlah itu sebanyak 108 kes atau 92% merupakan pencerobohan di atas tanah kosong kerajaan atau tanah rizab.

3. Pelaksanaan

- 3.1 Pentadbir Tanah Daerah diminta menyediakan maklumat-maklumat seperti perkara di Para 2.8 mengikut format di **Lampiran B** dan hendaklah sentiasa mengemaskini untuk pemantauan dan tindakan serta pelaporan kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- 3.2 Pentadbir Tanah Daerah diminta mewujudkan **Jawatankuasa PETUGAS KHAS Pencerobohan Tanah Kerajaan Dan Tanah Rizab di Peringkat Pentadbiran Tanah Daerah** bagi mengenalpasti, memantau dan menangani permasalahan pencerobohan tanah kerajaan atau tanah rizab yang berlaku di Negeri Sembilan dengan keanggotaan seperti berikut:
- 3.2.1 Pentadbir Tanah Daerah sebagai Pengerusi;
 - 3.2.2 Timbalan Pentadbir Tanah sebagai ahli atau Pengerusi Ganti;
 - 3.2.3 Penolong Pentadbir Tanah (yang berkaitan) sebagai ahli;
 - 3.2.4 Ketua Penolong Pegawai Tanah sebagai ahli;
 - 3.2.5 Semua Penolong Pegawai Tanah sebagai ahli;
 - 3.2.6 Wakil Unit Teknikal dan Penguatkuasaan PTGNS;
 - 3.2.7 Pembantu Tadbir (yang berkaitan) sebagai ahli; dan

- 3.2.8 Jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan JKR untuk bantuan lojistik, Pihak PDRM untuk bantuan keselamatan, Jabatan Pengairan dan Saliran jika pencemaran sungai dan Jabatan Alam Sekitar jika berlaku *pollution and contamination*.
- 3.3 **Bidang tugas dan fungsi utama Jawatankuasa *PETUGAS KHAS* Pencerobohan Tanah Kerajaan Dan Tanah Rizab di Peringkat Pentadbiran Tanah Daerah** seperti berikut:
- 3.3.1 Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali dan diminitkan;
- 3.3.2 Mewujudkan dan mengagihkan kerja-kerja mengenalpasti dan mengesan kes-kes dan aktiviti-aktiviti pencerobohan yang telah berlaku di atas tanah kerajaan atau tanah rizab dengan melakukan kerja-kerja rondaan dan pemantauan secara berkala dengan lebih sistematik dan berkesan;
- 3.3.3 Membincangkan dan mencari penyelesaian hal-hal yang berkaitan dengan tindakan pencerobohan dan tindakan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan mengikut Kanun Tanah Negara [Akta 828] di peringkat daerah. Tindakan penguatkuasaan boleh melibatkan agensi-agensi lain di peringkat daerah seperti Jabatan Kerja Raya, Polis Di Raja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Tenaga Nasional, Syarikat Air N.Sembilan dan lain-lain jabatan;
- 3.3.4 Mengisi dan mengemaskini maklumat seperti *template* yang disediakan di **Lampiran B**. *Template* ini hendaklah sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa untuk dibentangkan secara berkala apabila diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Kewangan, Tanah dan Sumber Alam yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Menteri Besar Negeri Sembilan; dan
- 3.3.5 Melaksanakan lain-lain arahan yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 3.4 Tindakan penguatkuasaan dipecahkan kepada **tiga (3) peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas**. Ketiga-tiga peringkat ini perlu dilaksanakan bagi memastikan aktiviti pencerobohan tanah kerajaan atau tanah rizab dapat dibendung dan dikurangkan seperti berikut:

3.4.1 **Sebelum Tindakan Penguatkuasaan (semasa / selepas rondaan dan pemantauan)**

- i. Melakukan kerja-kerja rondaan dan pemantauan secara berkala dengan lebih sistematik dan berkesan bagi mengesan sebarang aktiviti pencerobohan tanah kerajaan atau tanah rizab.
- ii. Membuka kertas siasatan dan merakam percakapan pihak yang berkenaan bagi mendapatkan maklumat pencerobohan.
- iii. Melaksanakan **DENGAN SEGERA / SERTA MERTA** kerja dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti pencerobohan yang dikesan di peringkat awal semasa bahan-bahan binaan baru dikumpulkan dan sedang mendirikan struktur haram (jika bangunan / gerai / bengkel) selaras seksyen 426A(1) KTN [Akta 828].
- iv. Melaksanakan **DENGAN SEGERA / SERTA MERTA** kerja dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti pencerobohan yang dikesan di peringkat awal dengan mengeluarkan **“STOP WORK ORDER”** jika penerokaan tanah Kerajaan atau tanah rizab baru bermula selaras seksyen 426A(1) dan 426A(2) KTN [Akta 828].
- v. Mengeluarkan notis kepada pihak yang didapati telah menceroboh tanah Kerajaan atau tanah rizab di bawah seksyen 425(1) KTN [Akta 828] untuk tujuan memulihkan status tanah dalam tempoh 14 hari dan **notis itu disalin kepada Ahli Yang Berhormat Kawasan berkenaan selaras dengan Minit MMKNS pada 11 November 2020.**
- vi. Merekodkan dan mengemaskini maklumat mengenai pencerobohan di dalam *template* seperti di **Lampiran B** bagi membolehkan kerja-kerja pemantau dan penguatkuasaan dibuat dengan lebih teratur dan sistematik.

3.4.2 **Semasa Tindakan Penguatkuasaan (untuk tindakan memusnahkan / membinasakan / memindahkan dan lain-lain)**

- i. Mengadakan mesyuarat bersama jabatan dan agensi seperti Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Sembilan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan, Pihak

Berkuasa Tempatan, Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Syarikat Air Negeri Sembilan, Tenaga Nasional Berhad dan lain-lain jabatan dan agensi yang bersesuaian bagi menyelaraskan dan mengatur tindakan yang sewajarnya.

- ii. Melakukan kerja-kerja dan tindakan penguatkuasaan dengan teratur dan berlandaskan kepada peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa seperti yang dinyatakan dalam seksyen 426A(1) dan 426A(2) KTN [Akta 828].

3.4.3 Selepas Tindakan Penguatkuasaan

- i. Pentadbir Tanah Daerah membuat laporan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan.
- ii. Melakukan kerja-kerja rondaan dan pemantauan secara berkala di lokasi tanah kerajaan atau tanah rizab tersebut bagi memastikan tiada kerja-kerja atau tindakan pencerobohan kali kedua berlaku.
- iii. Memastikan tanah kerajaan tersebut dirizabkan dengan sempurna di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri berhak untuk memajak tanah tersebut kepada sesiapa yang berkecualan.

4. Tarikh Kuatkuasa

- 4.1. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan mengenai garis panduan mewujudkan Jawatankuasa Petugas Khas di Peringkat Pentadbiran Tanah Daerah dan tindakan-tindakan penguatkuasaan bagi menangani permasalahan pencerobohan tanah kerajaan dan tanah rizab di Negeri Sembilan serta pengumpulan dan pengemaskinian maklumat pencerobohan tanah kerajaan dan tanah rizab ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.


(DATO' HJ. ZULKIFLI BIN BAHARAN)

Pengarah Tanah dan Galian

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 26 November, 2020

Rujukan : Bil (1) dlm.PTGNS.10/14 klt. 4 sj.1

LAMPIRAN A

Ringkasan Maklumat Pencerohtonan Tanah bagi Daerah Mengikut Kategori Pencerohtohan

Daerah / Kategori	Pencerohtohan di atas tanah kosong Kerajaan atau Tanah Rizab	Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang pernah diluluskan LPS tetapi pemohon tidak mengemukakan permohonan memperbaharui LPS tersebut pada tahun berikutnya	Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang pernah diluluskan LPS tetapi pemohon telah melanggar syarat kelulusan LPS tersebut	Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang telah diluluskan LPS tetapi pemohon tidak membayar LPS pada tahun tersebut	Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang pernah diluluskan "Lesen" / "Permit" Mengutip Hasil tetapi permohonan untuk memperbaharui "lesen" / "permit" tidak diluluskan pada tahun berikutnya	Tanah Bermilik yang telah tamat tempoh pajatannya	Tanah Bermilik yang telah teribat dengan pengambilalihan tanah tetapi pemilik masih menduduki atau mengusahakan tanah tersebut	JUMLAH
Seremban	19	1	-	3	-	-	-	23
Tampin	2	-	-	-	-	-	-	2
Port Dickson	16	-	-	1	-	-	-	17
Kuala Pilah	33	-	-	1	-	-	-	34
Jempol	17	-	-	-	-	-	-	17
Jejebu	14	-	-	-	-	-	-	14
Rembau	4	-	-	-	-	-	-	4
Gemas	3	-	-	2	-	1	-	6
JUMLAH	108	1	0	7	0	1	0	117

LAMPIRAN B

CONTOH FORMAT MAKLUMAT PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN / TANAH RIZAB DI NEGERI SEMBILAN

DAERAH : Gemas

TAHUN : 2020

BIL.	MAKLUMAT	GAMBAR
1.	<p>Lokasi: Kuala Gemas</p> <p>Mukim: Mukim Gemas</p> <p>Keluasan: Lebih kurang 245.9 Ha</p> <p>Diceroboh oleh: Syarikat 9 Tani Sdn.Bhd.</p> <p>Aktiviti/Usaha: Ladang Kelapa Sawit</p> <p>Status Tindakan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Telah dikeluarkan Notis 425 KTN (03 Mac 2020)• Papan tanda larangan menceroboh telah didirikan <p>Catatan: -</p> <p>Status/ Tarikh Terkini: Masih mengutip hasil</p>	